

Media: Sinar Harian Online

Date: 09 Aug 2021

Wow! Ajinomoto Tawar Hadiah Lumayan Sempena Bulan Malaysia 2021. Apa Lagi, Jom Sertai




AJINOMOTO, satu jenama yang tidak perlu diperkenalkan lagi.

Penambah perasa MSG (Monosodium glutamat) yang cukup popular dalam kalangan rakyat Malaysia itu sudah menjadi rencah wajib dalam setiap hidangan.

Kepakaran Ajinomoto menggunakan teknologi AminoScience yang dapat membantu menurunkan kandungan sodium seterusnya menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Ini sekali gus menyuntik lagi keyakinan pengguna dengan jenama dari Jepun tersebut.



Sejajar dengan usaha berterusan dalam mempromosikan makanan sihat dan rendah sodium melalui perencah Umami, Ajinomoto (M) Berhad sekali lagi menjadi penaja utama Bulan Nutrisi Malaysia 2021 dan kali ini tampil dengan tema 'Kunci Memerangi Ancaman Kesihatan'.

“Pihak kami sangat berharap dapat mendukung masyarakat untuk menyesuaikan diri dengan gaya hidup ‘Pemakanan Sihat, Kehidupan Aktif’ sepanjang pertempuran kita melawan Covid-19.

“Sambil kekal sihat dan selamat dalam tempoh ini, kami juga mahu mencabar anda untuk memerangi ancaman kesihatan sekali gus mengamalkan ‘Eat Well, Live Well,’” katanya dalam satu kenyataan media.

Serentak dengan itu, Ajinomoto turut mempromosikan minuman berperisa jeli epal aminoVITAL, jenama nombor satu di Jepun yang dikatakan dapat membantu mencergaskan tubuh lebih baik untuk aktiviti sukan atau rutin harian.